



SOALAN LAZIM
FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQ)

BAKUL PRIHATIN NEGARA

Jabatan Kebajikan Masyarakat

1. APAKAH TUJUAN PENGAGIHAN BAKUL PRIHATIN NEGARA?

Bakul Prihatin Negara merupakan satu (1) inisiatif Kerajaan untuk membantu masyarakat yang terkesan sepanjang pandemik COVID-19 bagi memastikan masyarakat dapat meneruskan kelangsungan hidup.

2. APAKAH KELAYAKAN BAGI PERMOHONAN BAKUL PRIHATIN NEGARA?

Semua rakyat Malaysia bagi setiap keluarga layak untuk memohon Bakul Prihatin Negara sekiranya terjejas pendapatan sepanjang pendemik COVID-19.

3. BAGAIMANAKAH DENGAN MEKANISME PERMOHONAN BAKUL PRIHATIN NEGARA?

Permohonan boleh dilakukan menerusi empat (4) kaedah seperti berikut:

- 3.1 Menghubungi Bilik Gerakan JKM Negeri;
- 3.2 Menghubungi Talian Kasih di talian 15999 atau Whatsapp ke 019-26 15999;
- 3.3 Menghubungi Media Sosial Rasmi (*Facebook/Twitter/Instagram* KPWKM atau JKM); ATAU
- 3.4 Menghubungi Pemimpin Tempatan/Setempat

4. BAGAIMANAKAH DENGAN KAEDAH PENYAMPAIAN BAKUL PRIHATIN NEGARA?

Setelah mendapat butiran lanjut daripada pemohon, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Bahagian/Jajahan akan menyerahkan Bakul Prihatin Negara kepada Skwad Prihatin Negara untuk diagihkan kepada pemohon.

Pemohon akan menerima Bakul Prihatin Negara dalam tempoh 24 jam selepas permohonan. Namun begitu, penghantaran bergantung kepada hari bekerja, jumlah permohonan harian, jarak dan bentuk muka bumi.

5. APAKAH BARANGAN ASAS YANG TERDAPAT DI DALAM BAKUL PRIHATIN NEGARA?

Setiap Bakul Prihatin Negara mempunyai lapan (8) barangan seperti berikut:

- 5.1 Beras (5 Kg)
- 5.2 Gula (1 Kg)
- 5.3 Tepung (2 Kg)
- 5.4 Bihun (400 Gm)
- 5.5 Kicap (650 MI)
- 5.6 Sardin (230 Gm)
- 5.7 Biskut
- 5.8 Kopi

**6. ADAKAH DIBENARKAN UNTUK MENERIMA LEBIH
DARIPADA SATU (1) BAKUL PRIHATIN NEGARA?**

Setiap keluarga dibenarkan untuk menerima satu (1) Bakul Prihatin Negara sahaja.

Namun begitu, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Bahagian/Jajahan akan membuat semakan terperinci sekiranya terdapat keluarga memerlukan lebih dari satu (1) Bakul Prihatin bagi kes-kes yang tertentu yang difikirkan wajar dan perlu.